



27 Januari 2025
27 January 2025
P.U. (B) 52

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

*NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF
RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Pemberitahuan No. 865/1915 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 9 April 1915, pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh seksyen 9 "Enakmen Tanah, 1911", Residen Selangor telah mengisyiharkan bahawa petak tanah yang terletak di Mukim Kuala Lumpur, bahagian No. 2,426, yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 6,531, yang disimpan di Pejabat Penguin Ukur Hasil, Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud *Railway Station and Buildings*, yang diselenggarakan oleh pegawai yang pada masa ini memegang jawatan Pengurus Besar Keretapi:

DAN BAHAWASANYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubabsuaian Kanun Tanah Negara), 1974 [P.U. (A) 56/1974] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pewakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [P.U. (B) 108/2003], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur mulai pukul 10.00 pagi hingga 3.30 petang pada 20 Februari 2025 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.

JADUAL

Daerah : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur *Mukim : Kuala Lumpur*

No. Pelan : 6,531 *No. Lot : 2,426* *Luas : 8 ekar 3 rud 29 pol*

Sempadan : Bermula dari sudut paling selatan bahagian No. 2, 233, Mukim Kuala Lumpur, sempadan Rizab Stesen Kereta Api Pudoh Ulu menganjur ke arah timur laut bering $59^{\circ} 16' 50''$, 636.4 rangkai; dan $60^{\circ} 3' 10''$, 1,330.8 rangkai; arah tenggara bering $154^{\circ} 35' 56''$, 458 rangkai; arah barat daya bering $239^{\circ} 38' 30''$, 938 rangkai; dan $239^{\circ} 44' 50''$, 964.5 rangkai; dan arah barat laut bering $326^{\circ} 32' 30''$, 461 rangkai, kepada titik permulaan.

Bertarikh 10 Januari 2025

[PTG/WP(S).100-2/17/2/8 Jld 16; PTGKL/11/BPRZ/2023/6(8); PN(PU2)213/JLD.126]

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Pengerusi

*Jawatankuasa Kerja Tanah
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by Notification No. 865/1915 published in the Government *Gazette* of the Federated Malay States on 9 April 1915, in exercise of the powers vested in him by section 9 of "The Land Enactment, 1911", the Resident of Selangor has proclaimed that the parcel of land situated in the Mukim of Kuala Lumpur, portion No. 2,426 described in the Schedule and delineated upon revenue survey plan No. 6,531, deposited in the office of the Superintendent of Revenue Surveys, Selangor to be a reserve for the purpose of a Railway Station and Buildings, to be maintained by the officer for the time being holding the appointment of General Manager for Railways:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code [*Act 828*]:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 64(2) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order, 1974 [P.U. (A) 56/1974] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under Section 13 [P.U. (B) 108/2003], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur gives notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and an enquiry by the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur in relation to the proposed revocation will be held at the Office of the Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur from 10.00 a.m. until 3.30 p.m. on 20 February 2025 and any person who desires to object against the proposed revocation may attend the enquiry.

SCHEDULE

District : Federal Territory of Kuala Lumpur *Mukim : Kuala Lumpur*

Plan No. : No. 6,531 *Lot No. : 2,426* *Area : 8 acres 3 roods 29 poles*

Boundaries : Commencing from the southernmost corner of portion No. 2,233, Mukim of Kuala Lumpur, the boundary of the Pudoh Ulu Railway Station Reserve runs north-eastwardly bearing 59° 16' 50", 636.4 links; and 60° 3' 10", 1,330.8 links; south-eastwardly bearing 154° 35' 56", 458 links; south-westwardly bearing 239° 38' 30", 938 links; and 239° 44' 50", 964.5 links; and north-westwardly bearing 326° 32' 30", 461 links, to the point of commencement.

Dated 10 January 2025

[PTG/WP(S).100-2/17/2/8 Jld 16; PTGKL/11/BPRZ/2023/6(8); PN(PU2)213/JLD.126]

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Chairman

Land Executive Committee

of the Federal Territory of Kuala Lumpur